



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 OGOS 2024**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	3 PAM BAHARU DI SRI MUDA MULA BEROPERASI, DALAM NEGERI, UM -30	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	HASIL PROJEK KEBUNITI MADANI TAMPUNG TABUNG PAWE, WANITA & KELUARGA, BH -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	SEBUTIR NASI SEJUTA KERINGAT, HPPNK, SH -8 & 9	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	AIR TIGA EMPANGAN DI KEDAH MENCUKUPI, DALAM NEGERI, UM -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	92 RIBU KEDIAMAN TERLIBAT BANCII PERTANIAN TERENGGANU, TRDI.MY -ONLINE	LAIN-LAIN
6.	PERAK CATAT 22.3 PERATUS BANCII TERKINI SEKTOR PERTANIAN -KETUA PERANGKAWAN, THE SUN -ONLINE	
7.	PROGRAM JELAJAH 'SAYA DIGITAL' PERKASA EKONOMI SABAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

3 pam baharu di Sri Muda mula beroperasi

SHAH ALAM: Tiga pam baharu yang ditambah dalam projek naik taraf pintu air bernilai kira-kira RM7.1 juta dekat Taman Sri Muda beroperasi mulai semalam bagi menyalur limpahan air hujan di kawasan berkenaan.

Infrastruktur baharu terdiri daripada tiga jenis pam skru itu dijangka menyelesaikan masalah banjir di kawasan perumahan berkenaan apabila kemudahan tersebut mampu meningkatkan aliran air sehingga lima kali ganda berbanding pam sedia ada.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izhah Hashim berkata, kewujudan pam tersebut mampu meningkatkan membawa air keluar daripada kawasan perumahan ke Sungai Klang pada kapasiti lima meter padu sesaat berbanding satu meter padu sesaat pada pam sedia ada.

“Cuma, kena juga pastikan parit dan longkang bersama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya dapat diperkemas dan dinaik taraf agar air cepat mengalir ke sini (kunci air) untuk dipam keluar.

“Skru pam yang digunakan ada kelebihan iaitu selain laju kapasitinya, ia juga tidak menyebabkan tersangkut, sampah sarap semua ditarik sekali. Kalau pam biasa sebelum ini memang tersangkut, kalau sampah terlepas daripada jaring penapis, ia boleh masuk ke dalam paip dan tersumbat,”



IZHAM Hashim (dua, kanan) bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyaksikan pam skru baharu yang mula beroperasi dekat Rumah Pam Tambahan Pintu Air Taman Sri Muda di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

katanya pada perasmian Rumah Pam Tambahan Pintu Air Taman Sri Muda, semalam.

Tambahnya, kewujudan tiga pam skru itu menjadikan keseluruhan pam yang terdapat di kawasan perumahan itu sebanyak tiga buah termasuk empat pam berkapasiti besar lapan meter padu sesaat di kolam takungan air.

Utusan Malaysia sebelum ini

melaporkan, Taman Sri Muda merupakan kawasan tumpuan bagi projek tebatan banjir apabila pernah alami masalah bah paling buruk di negeri ini pada 1999 dan 2021 sehingga menyebabkan lebih 20,000 penduduk terjejas.

Selain naik taraf pam, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan peruntukan sebanyak RM160 juta bagi projek pembinaan tembok penghalang banjir yang sedang

dilaksanakan.

Dalam pada itu, Izhah memaklumkan isu bekalan elektrik di rumah pam berkenaan turut diselesaikan dengan pembinaan sub stesen janakuasa yang lebih tinggi bagi mengelakkan ditinggelami air.

“Kita pastikan juga kali ini di tempat yang tinggi, dapat membekal elektrik bukan sahaja untuk pam tetapi untuk pintu air,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	BERITA HARIAN	WANITA DAN KELUARGA	21

Hasil Projek Kebuniti Madani tampung tabung PAWE

PAWE akan tambah tanaman itu fasa seterusnya untuk memenuhi permintaan pelanggan



Ismail Dimiyati,
Ketua Projek
Kebuniti Madani
PAWE
Gemilang

Pontian: Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Gemilang, Pontian, di sini, berjaya menjana hasil pendapatan tambahan melalui tanaman pertanian pelbagai sayuran menerusi Projek Kebuniti Madani.

Ketua projek, Ismail Dimiyati, 68, berkata kejayaan projek berkenaan hasil sokongan dan bantuan dari Pejabat Pertanian Pontian dalam bentuk geran bernilai RM21,000 sejak tiga bulan lalu.

Katanya, sayur-sayuran seperti sawi, salad dan terung itu ditanam menerusi sistem hidroponik, sekali

gus dapat menjana pendapatan. “Pelaksanaan penanaman secara bergotong-royong yang disertai 320 ahli itu juga bukannya sahaja berjaya mengeluarkan hasil sayuran yang banyak, ia juga amat berkualiti.

“PAWE menyediakan 200 bekas tanaman dan berjaya mengeluarkan hasil melalui fasa pertama seberat 150 kilogram (kg) setiap kali pengeluaran,” katanya ketika ditemui di Pusat Aktiviti Warga Emas, Jalan Umno Pontian, di sini.

Ismail juga merangkap Timbalan Pengerusi PAWE berkata,

apa yang mengharukan semua hasil pelbagai sayuran dijual dengan harga berpatutan kepada pelanggan dalam kalangan ahli PAWE.

Katanya, tanam sayur melalui sistem hidroponik itu mudah dapat mengeluarkan hasil bermutu tinggi dengan melalui garis panduan diberikan Pejabat Pertanian Pontian.

“Kaedah sistem penanaman itu juga secara langsung menambah ilmu dalam kalangan ahli yang sebahagiannya pesara untuk menambah pendapatan mereka sebagai aktiviti pengisian masa lapangnya di pe-

karangan kediamannya.

“PAWE akan menambah tanaman itu fasa seterusnya untuk memenuhi permintaan ramai pelanggan.

Katanya, pihak pengurusan PAWE menjual sayuran jauh lebih murah jika dibandingkan harga pasaran di luar.

“Dengan aktiviti ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos belanja dapur ahli.

“Malah, keuntungan bersih penanaman fasa pertama RM200 itu untuk menambah tabung PAWE bagi menampung keperluan aktiviti berkai-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	SINAR HARIAN	HPPNK	8



6 OGOS 1975

Tarikh 6 Ogos telah diisytiharkan oleh Tun Abdul Razak Hussein sebagai Hari Peladang.

TAHUN 1983

Pada tahun 1983 Hari Peladang telah ditukar menjadi Hari Peladang dan Nelayan.

TAHUN 1988

Pada tahun 1988 dengan penyertaan penternak, perayaan tarikh 6 Ogos menjadi Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) sehingga kini.

TAHUN 2000

- Pada tahun 2000, sambutan 6 Ogos telah dipertingkatkan dengan penyertaan sektor swasta dan pameran bertaraf dunia di mana HPPNK telah digabungkan dengan MAHA.

- Pertunjukan MAHA pada asalnya wujud tahun 1922, kemudiannya dihidupkan kembali pada tahun 1999 dan kini nama singkatannya adalah pameran Malaysia Agriculture, Horticulture, and Agrotourism (MAHA).

- Bermula dari tahun 2002, pertunjukan MAHA diadakan dua tahun sekali dan HPPNK juga diadakan bersama dengan pameran antarabangsa MAHA.

SAMBUTAN TARIKH KERAMAT

Saban tahun sambutan tarikh Keramat disambut secara besar-besaran dengan mengunjurkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di peringkat negeri diseluruh negara dan akan berakhir di peringkat kebangsaan yang biasa disambut pada bulan November.

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

- HPPNK disambut di tahunan secara besar-besaran, namun di peringkat negen setiap tahun disambut.

- Terdapat 13 Anugerah HPPNK yang diberikan bagi mengiktiraf sumbangan peladang, penternak dan nelayan.

Sebutir nasi sejuta keringat



Ketidakjaminan makanan akan menggoyahkan hak asasi keperluan manusia.

Peladang, penternak dan nelayan perlu bangunkan inovasi, adaptasi teknologi

Tanggal 6 Ogos, Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein telah mengisytiharkan secara rasmi tarikh tersebut sebagai Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dan ia kekal diingati sehingga hari ini.

HPPNK yang disambut saban tahun merupakan manifestasi keperihatin kerajaan terhadap jerit perih dan pengorbanan mereka bukan sahaja memastikan makanan yang berkualiti

sampai ke meja makan setiap rakyat Malaysia malahan mewujudkan kekukuhan ekonomi negara.

Ketidakjaminan makanan akan menggoyahkan hak asasi manusia dan menjadi masalah kesihatan, pemakanan dan pembangunan sejagat.

Dalam kita berdepan dengan cabaran global seperti perubahan iklim dan ketidakstabilan pasaran atau geopolitik, peladang, penternak dan nelayan seharusnya terus bersama-sama membangunkan inovasi dan mengadaptasi teknologi terkini dalam Amalan Pertanian Pintar bagi memastikan industri pertanian kekal relevan dan kompetitif.

Menurut Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), keberanian dan kesungguhan mereka dalam menghadapi cabaran tersebut amatlah dihargai dan akan sentiasa dikenang.

"Penggunaan teknologi terkini dalam sektor pertanian seperti penggunaan Internet Pelbagai Benda (IoT), Global Positioning System (GPS), kecerdasan buatan (AI), robotik dan dron dapat membantu para petani meningkatkan daya tahan bagi menghadapi bencana alam dan pandemik.

"Pertambahan pendapatan perkapita dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi memacu kepada perubahan corak permintaan bahan-bahan makanan dan penekanan kepada aspek kualiti dan pengenalan akan menjadi bertambah penting," jelas LPP menerusi satu kenyataan.

Dengan corak pemakanan yang berbeza, rakyat Malaysia membelanjakan ke atas bahan-bahan makanan yang lebih menarik dan bermutu seperti yang mengandungi banyak protien dan sebagainya.

"Pertambahan pendapatan perkapita dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi memacu kepada perubahan corak permintaan bahan-bahan makanan dan penekanan kepada aspek kualiti dan pengenalan akan menjadi bertambah penting."



Sektor pertanian penting dalam memastikan ketenteraman makanan.



Padi yang berkualiti dihasilkan untuk memenuhi permintaan tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	SINAR HARIAN	HPPNK	9



Menurut LPP, ini secara langsung akan menentukan corak bekalan makanan dan cara pemasaran yang perlu diwujudkan dalam negara.

Penggunaan perkapita untuk daging, buah-buahan dan sayuran dijangka akan terus meningkat.

Ini bermakna bahawa bukan sahaja bekalan makanan tersebut perlu disesuaikan kepada permintaan, bahkan jumlah pengeluarannya perlu ditingkatkan selaras dengan daya belanja yang meningkat dan jangkaan pertumbuhan penduduk.

Dalam masa yang sama, bekalan-bekalan input perlu ditingkatkan seperti bahan-bahan pemakanan kepada industri ternakan iaitu jagung bijirin, kacang soya dan sebagainya.

Perubahan dalam amalan pertanian

Menurut LPP, perubahan-perubahan struktur dalam sektor pertanian memerlukan pengorbanan yang besar daripada peladang, penternak dan nelayan.

"Untuk mencapai kejayaan, sektor agromakanan harus peka, bersedia menerima dan membuat perubahan dalam amalan pertanian. Ia termasuklah penggunaan teknologi baharu, mengkomersialkan penggunaan tanah, pengurusan ladang secara moden dan sistematik.

"Para peladang, penternak dan nelayan harus lebih inovatif, meningkatkan kepakaran dan berusaha dengan lebih gigih dalam merebut peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian yang kian berkembang.

"Untuk mencapai hasrat ini, kita harus terbuka kepada idea dan maklumat-maklumat yang baru dan mutakhir serta dapat menyesuaikan mengikut keadaan dan masa," jelas LPP.



Penguasaan dan adaptasi teknologi penting demi penghasilan hasil pertanian berkualiti.

Ekosistem pertanian lestari

Seorang peladang, penternak dan nelayan seharusnya serba mengetahui atau apabila negara mencapai kemajuan, mereka juga turut sama menikmati kemudahan dan kemakmuran dari pelbagai aspek penghidupan mereka.

Peladang, penternak dan nelayan sewajarnya bersama-sama membangunkan ekosistem pertanian yang lestari dan mampan.

Menerusi pengenalan teknologi hijau dan amalan pertanian moden, kita dapat meningkatkan hasil pertanian disamping menjaga alam sekitar seterusnya memberi manfaat sekali gus diwarisi oleh generasi akan datang.



Semua pihak perlu bekerjasama untuk mencapai matlamat keterjaminan makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

Dengan adanya komitmen dan kerjasama semua pihak, kita yakin negara akan dapat mencapai matlamat Keterjaminan Makanan dan memajukan sektor pertanian negara yang lebih kompetitif, berdaya saing dan lestari di peringkat domestik dan antarabangsa.

Terima kasih atas segala usaha dan jerih perih pengorbanan anda. Anda adalah pahlawan yang tidak didendang

dan hari ini anda adalah wira dan inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia.

Semoga peladang, penternak dan nelayan terus menerajui kecemerlangan dalam agenda 'Keterjaminan Makanan Negara Untuk Masa Depan'.

Selamat Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan Kali Ke-49 tahun 2024.

“

Terima kasih atas segala usaha dan jerih perih pengorbanan anda. Anda adalah pahlawan yang tidak didendang dan hari ini anda adalah wira dan inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia.”



Nelayan merupakan golongan yang penting dalam menentukan corak bekalan makanan dan cara pemasaran yang perlu diwujudkan dalam negara.



Peladang perlu inovatif, kuasai teknologi dan tingkatkan kepakaran dalam memacu aktiviti pertanian seiring dengan perubahan dalam sektor itu.

Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia

@lpp_malaysia

@LPP_Malaysia

LPP TV

"LAHIR PELADANG PROGRESIF"



Air tiga empangan di Kedah mencukupi

ALOR SETAR: Paras air di tiga empangan di Kedah masih mampu menampung keperluan semasa terutama bagi kegunaan domestik, pertanian dan industri di negeri itu.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, jumlah keseluruhan takungan di ketiga-tiga empangan itu iaitu Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning kini adalah 41.97 peratus.

Menurutnya, takungan air itu juga mampu menyokong pengairan tanaman padi untuk musim pertama 2024 ketika ini dan dijangka boleh bertahan sehingga memasuki musim kedua 2024 tidak lama lagi.

Katanya, sumber air di negeri Kedah dikategorikan kritikal sekiranya paras takungan di Empangan Pedu menurun sehingga 15 peratus.

Katanya, pemantauan se-masa paras takungan air di Em-pangan Pedu kini masih me-miliki 37.02 peratus daripada kapasiti.



DR. ISMAIL Salleh (kanan) menunjukkan pelan pengurusan air kawasan MADA dan operasi Empangan Pedu di Alor Setar, semalam.

“Empangan Muda hanya kawasan tadahan air yang te-rus disalurkan ke Empangan Pedu melalui Terowong Saiong sepanjang 6.8 kilometer.

“Sebab itu paras di Empa-ngan Muda akan berubah se-

ngan Pedu pernah mencatat-kan paras 11.21 peratus pada 15 April 1982 namun masih mam-pu menampung permintaan ketika itu.

“Sekiranya paras Empangan Pedu kini mencecah 15 peratus, maka amat wajar untuk kita be-rada dalam situasi panik tetapi kini bacaannya masih 37 pera-tus selain ramalan menjangka-kan akan kembali hujan selepas ini.

Beliau berkata, Empangan Muda juga pernah menurun sehingga 2.7 peratus pada 6 Mac 1978 berbanding kini yang merekodkan bacaan sebanyak 7.44 peratus.

“Di Empangan Ahning pula, pada 29 Mac 2005, kita pernah mengalami penyusutan takun-gan kepada 27 peratus berban-ding sekarang yang mencatat-kan 80.76 peratus.

“Justeru, jumlah keseluru-han takungan di ketiga-tiga empangan itu yang kini 41.97 peratus masih mencukupi un-tuk memenuhi permintaan dan keperluan semasa,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	TRDI.MY	ONLINE	

92 Ribu Kediaman Terlibat Banci Pertanian Terengganu



KUALA TERENGGANU, 5 Ogos- Sebanyak 92,000 tempat kediaman dan 480 pertubuhan di negeri Terengganu yang telah dikenal pasti terlibat dalam aktiviti pertanian akan melalui proses Banci Pertanian 2024.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Tengku Seri Bijaya Raja memaklumkan, setakat ini sebanyak 10,000 tempat kediaman telah selesai dibanci dalam proses yang

diajalankan bermula 7 Julai.

Jelasnya, data-data yang dikumpulkan penting untuk negara dan negeri bagi merancang penstrukturan di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Bancian ini merupakan kali keempat, yang kali terakhir dibuat oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2005 iaitu 19 tahun lalu. Jadi, data-data daripada DOSM memang memerlukan penambahbaikan.

"Kali ini, bancian ini saya kira dibuat pada skala besar dan akan melibatkan isi rumah dan pertubuhan, perniagaan yang terlibat dengan aktiviti pertanian merangkumi empat sektor iaitu tanaman makanan dan komoditi, ternakan, perikanan dan akuakultur, perhutanan serta pembalakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Operasi Banci Pertanian Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman, hari ini.

Hadir sama ialah Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri, Marlini Sahul Hamid.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan menghimpunkan jabatan dan agensi, pertubuhan yang secara langsung terlibat dalam aktiviti pertanian.

"Hari ini kita berjaya melaksanakan mesyuarat dan dianggarkan kita akan hanya ada dua mesyuarat iaitu satu hari ini dan selepas selesai bancian nanti, kita anggar ia akan berakhir 10 Oktober.

"Kita tidak tertumpu kepada sesuatu perkara, selagi mana ia termasuk dalam aktiviti pertanian yang disebutkan (empat sektor) semua kita akan tengok. Semua data-data akan kita ambil.



"Cuma, kecenderungan negeri kepada apa. Kalau macam Kedah, memang dia tertumpu lebih kepada padi, mungkin Terengganu sekarang dalam pertanian lebih kepada buah-buahan contohnya mungkin kita tertumpu kepada Melon Manis Terengganu," ujarinya.

Beliau menambah, Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 yang dilaksanakan

kerajaan negeri sebelum ini turut membantu mendapatkan data bancian dengan lebih terperinci.

"Tentulah, seperti yang disebut tadi data yang dibuat ini adalah secara menyeluruh dan pada skala besar, apa yang dibuat oleh DOSM merupakan data bersepadu yang bukan sahaja diambil daripada lapangan, ia juga akan didapatkan daripada agensi dan dikumpulkan dalam satu pengkalan data yang kukuh dan boleh dipakai bukan sahaja untuk negeri, tetapi semua agensi dan individu yang terlibat kerana hasilnya boleh dicapai.

"Data-data yang dikumpulkan nanti kita boleh membuat perancangan rapi tentang haluan pada masa depan atau daripadanya mungkin ada tindakan perlu kita hebatkan lagi dan sebagainya," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	THE SUN	ONLINE	

Perak catat 22.3 peratus banciaan terkini sektor pertanian - Ketua Perangkawan



Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin - fotoBERNAMA

PARIT: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membuat banciaan sejumlah 22.3 peratus melibatkan 14,104 Tempat Kediaman (TK) di Perak yang meliputi empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan perhutanan serta pembalakan sejak 7 Julai hingga 2 Ogos lepas.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin yang juga Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 berkata daerah yang mencapai tahap pembanciaan tertinggi ialah Kampar sebanyak 44.9 peratus diikuti Selama (34.8 peratus), Kerian (34.3 peratus), Muallim (28.4 peratus), Hilir Perak (22.7 peratus) dan Bagan Datuk (22.5 peratus).

“Bagi Perak, pembanciaan akan dijalankan terhadap 67,459 TK dan 2,479 pertubuhan atau entiti perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian sepanjang 7 Julai hingga 10 Okt.

“Jumlah pembanci yang terlibat ialah 257 pembanci bagi isi rumah dan 14 pembanci bagi pertubuhan yang melibatkan tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan perhutanan serta pembalakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi lawatan kerja ke Lapangan Banci Pertanian 2024 di Pusat Integrasi Tanaman dan Ternakan di Ladang Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Titi Gantung di sini hari ini.

Sebelum ini, DOSM melaporkan dianggarkan terdapat lebih 1.3 juta isi rumah atau individu terlibat dalam pertanian selain hampir 20,000 pertubuhan berdaftar, institusi, koperasi dan persatuan turut terbabit dalam sektor itu, justeru pelaksanaan banciaan berkenaan amat penting bagi mengumpul data berkaitan pertanian termasuk permasalahan dihadapi.

Banci pertanian yang dilaksanakan itu juga membantu kerajaan dalam mengukur kestabilan bekalan makanan bagi memenuhi keperluan domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada barangan import.

Mohd Uzir berkata setakat ini sekitar 15 peratus hasil sektor pertanian menyumbang kepada penjanaaan pendapatan ekonomi Perak.

“Bagi pihak kami jumlah peratusan itu agak tinggi dan membuktikan kerajaan negeri Perak melalui perancangan serta sistem yang diguna pakai mampu menjana pendapatan melalui sektor ini,” katanya.

Beliau berkata banciaan yang dilaksanakan itu juga secara dasar bukan semata-mata untuk kepentingan kerajaan, malah dapatan berkenaan boleh diguna pakai oleh pemain industri dan pihak berkepentingan mencari peluang bagi memaksimumkan pendapatan.

“Perkara ini juga antara yang ditegaskan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) semasa sesi libat urus yang diadakan sebelum ini.

“KPKM mahu data ini didedahkan supaya mana-mana pihak yang terlibat nampak peluang untuk meluaskan perusahaan serta menarik pemain baharu ke dalam sektor pertanian ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Program Jelajah 'Saya Digital' perkasa ekonomi Sabah



LANCARKAN: Foong melancarkan Program Jelajah 'Saya Digital' sambil diperhatikan Syed Ibrahim (kiri) dan Munirah (kanan) yang diadakan SICC.

KOTA KINABALU: Kempen 'Saya Digital' yang diperkenalkan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dapat membantu meningkatkan kemahiran digital rakyat Malaysia dalam mendepani era

teknologi tinggi yang serba mencabar hari ini, kata Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin.

Beliau berkata, MDEC memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program yang memberi manfaat kepada rakyat di Sabah agar dapat menghadapi cabaran-cabaran yang timbul ekoran gelombang digitalisasi, terutamanya buat peniaga-peniaga kecil.

"Program seperti bengkel e-Dagang, pemasaran digital, dan sokongan kepada syarikat pemula atau 'startup' telah dianjurkan bagi membantu usahawan memanfaatkan platform digital," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Jelajah 'Saya Digital' sempena dengan Karnival Pendidikan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini, baru-baru ini yang dianjurkan Kerajaan Negeri bersama-sama MDEC.

Dalam pada itu, Foong yang juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu berkata, pembangunan bakat digital di Sabah dimulakan dari peringkat akar umbi, termasuk program-program di peringkat sekolah dan universiti.

"Program MyDigitalMaker MDEC, contohnya, memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai kemahiran digital yang diperlukan untuk masa depan," katanya.

Selain itu, katanya, Digital Agriculture Technology (AgTech) yang pernah beliau lancarkan sebelum ini adalah suatu inisiatif untuk memangkin agenda transformasi dan digitalisasi bagi memperkasakan sektor pertanian.

"Ia diterajui oleh MDEC dengan kerjasama pihak pemegang taruh, seperti Kementerian Digital (KD), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Ekonomi dan rakan kongsi ekosistem.

"Inisiatif sistem Malaysia Digital (MD) AgTech ini juga mengandungi elemen teknologi terkini dan berpotensi membuahkan hasil yang menguntungkan, sekali gus mampu menjadi daya penarik bagi golongan belia melibatkan diri dalam sektor pertanian.

"Saya difahamkan, sehingga kini, MD AgTech telahpun berjaya melaksanakan lebih 500 sistem MD AgTech dan juga melatih lebih 30,000 usahawan tani dari seluruh negara ke arah memangkin transformasi digital dalam sektor pertanian negara.

"Ini termasuk lebih 70 pemasangan sistem Digital AgTech di Sabah yang merupakan negeri penerima manfaat inisiatif Digital AgTech terbesar," katanya.

Beliau berharap usaha itu dapat diperluaskan kepada pekebun-pekebun kecil bagi komoditi seperti sawit, getah, koko, dan lada supaya mereka dapat menerima manfaat digitalisasi dalam sektor perladangan.

Sementara itu, Pengerusi MDEC, Syed Ibrahim Syed Noh dalam ucapannya memaklumkan sejak ia diperkenalkan, MyDigitalMaker telah memberi impak kepada lebih 2.5 juta pelajar sekolah di seluruh negara melalui penglibatan dalam aktiviti pembuatan digital, seperti Kempen 'Hour of Code', Pertandingan Berasaskan Pembuatan Digital dan #mydigitalmaker Fair.

"Daripada jumlah itu lebih kurang 80,000 pelajar dari 800 buah sekolah di seluruh Sabah pernah terlibat dalam program #mydigitalmaker daripada 1,296 buah sekolah kerajaan di Sabah dan 77 sekolah di Kota Kinabalu secara khususnya. Bagi program Digital Ninja pula, seramai 11 pelajar dari seluruh Sabah telah menyertai dan di latih sejak tahun 2020.

"Antara program lain di bawah inisiatif ini adalah #CikguJuaraDigital. Di Sabah, seramai 30 orang #CikguJuaraDigital telah kami latih dan guru-guru berkenaan telah melatih 1,434 guru semenjak tahun 2020.

"Sebagai tambahan, 3,500 pelajar dari empat buah sekolah di Sabah terlibat di bawah inisiatif 'Champions School', iaitu SK Tinangol, SK Anglo Chinese Kota Kinabalu, SMK Tambunan dan SK Kolombong.

"Suka untuk saya kongsi juga, dua pelajar dan seorang guru dari SK Anglo Chinese Kota Kinabalu akan mewakili Malaysia di ASEAN Cyberkid Camp yang akan diadakan di Hanoi, Vietnam pada 7 hingga 10 Ogos akan datang," katanya.

Turut hadir Pengerusi Pelaksana Program Sabah Education Technology 2024 (SET), Munirah Ruslan.